

JURNAL MELEWAR



INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS RAJA MELEWAR

BILANGAN 22 | 2018

Tahap Motivasi Murid Terhadap Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) Di Sekolah Rendah

Wong Mai Sze, Chua Lay Nee, Ph.D,
Balakrishnan Govinthasamy, Ph.D, & Chong Cheng Yang

Cakna Solat Dalam Kalangan Guru Pelatih Muslim Di Institut Pendidikan Guru

Syed Azman bin Syed Ismail, Fairuzzah binti Harun,
Ghazali bin Mustapha, & Mohd. Muhsinul Nidzam bin Abdullah

Buku Aktiviti Kisah Zidni Sebagai Terapi Seni Dalam Membantu Murid-Murid Pendidikan Khas

PM. Dr. Faridah binti Nazir & Abdul Jalil bin Toha @ Tohara

Lagu Rakyat Menjadi Medium Pembentukan Jiwa (Nafs) Melalui Pembelajaran Sastera

Faiziah Haji Shamsudin, Ph.D.

Puppet Rayyan Dan Rayna (R&R) Membantu Meningkatkan Komunikasi Dan Daya Pengamatan Murid Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran

Zaharilah Abdul Kadir & Nur Farhana Mustahidin

Keberkesanan PdP Bahasa Melayu Terhadap Murid-Murid Linus Tahun Dua Di SJK(T)

Kumutha Rakiappan

Tingkah laku dan persepsi plagiat dalam kalangan pelajar di sebuah IPG: Satu Tinjauan

Umi Kalsom Binti Takriff, Norhayaty Binti Ismail & Rahayu Binti Ismail

Meningkatkan Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Tamil Melalui Pendekatan Bertangga

Muniandy Varathan, Revathi Selvaraj & Mohanapiriya Chandran

Penerimaan Kosa Kata Asing Dalam Kalangan Pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar

Hisamuddin bin Abdul Ghani

Jurnal Melewar

Bilangan 22 | 2018

**Institut Pendidikan Guru
Kampus Raja Melewar**
Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel : +6 06 7654000 Faks :+6 06 7624822

Sidang Editor

Penyelaras & Penyunting

Dr. Balakrishnan a/l Govinthasamy

Ketua Editor

Dr. Farah binti Mukhtar @ Mohd Yunos

Editor

1. Dr. Balakrishnan a/l Govinthasamy
2. Dr. Zakri bin Abdullah
3. Dr. Chua Lay Nee
4. Dr. Wong Wee Shung
5. Dr. Faiziah binti Shamsuddin
6. Dr. Sailajah Nair Sukumaran
7. Pn. Hjh. Umi Nadzrah binti Ali Othman
8. En. Mohd Zam Zam bin Hj. Abdul Rahman

Penaung

Dr. Haji. Nizam bin Abd. Latib

Pengarah IPG Kampus Raja Melewar

Penasihat

Pn. Azlina binti Ahmad

Timbalan Pengarah IPG Kampus Raja Melewar

Cetakan Pertama Oktober 2018

@ Hak Cipta IPG Kampus Raja Melewar

Semua hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara sekalipun termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau lai-lain tanpa mendapat izin daripada penulis dan penerbit.

ISSN 1394-3278

Penerbit

Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar
Jalan Sikamat, 70400, Seremban, Negeri Sembilan
Tel: +606 7654000 Faks: +6067624822

Senarai Kandungan

Tahap Motivasi Murid Terhadap Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) Di Sekolah Rendah <i>Wong Mai Sze, Chua Lay Nee, Ph.D, Balakrishnan Govinthasamy, Ph.D, & Chong Cheng Yang</i>	1
Cakna Solat Dalam Kalangan Guru Pelatih Muslim Di Institut Pendidikan Guru <i>Syed Azman bin Syed Ismail, Fairuzzah binti Harun, Ph.D, Ghazali bin Mustapha, & Mohd. Muhsinul Nidzam bin Abdullah</i>	17
Buku Aktiviti Kisah Zidni Sebagai Terapi Seni Dalam Membantu Murid-Murid Pendidikan Khas <i>PM. Dr. Faridah binti Nazir & Abdul Jalil bin Toha @ Tohara</i>	30
Lagu Rakyat Menjadi Medium Pembentukan Jiwa (Nafs) Melalui Pembelajaran Sastera <i>Faiziah Haji Shamsudin, Ph.D.</i>	41
Puppet Rayyan Dan Rayna (R&R) Membantu Meningkatkan Komunikasi Dan Daya Pengamatan Murid Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran <i>Zaharilah Abdul Kadir & Nur Farhana Mustahidin</i>	59
Keberkesanan PdP Bahasa Melayu Terhadap Murid-Murid Linus Tahun Dua Di SJK(T) <i>Kumutha Rakiappan</i>	76
Tingkah laku dan persepsi plagiat dalam kalangan pelajar di sebuah IPG: Satu Tinjauan <i>Umi Kalsom Binti Takriff, Norhayaty Binti Ismail & Rahayu Binti Ismaill</i>	87
Meningkatkan Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Tamil Melalui Pendekatan Bertangga <i>Muniandy Varathan, Revathi Selvaraj & Mohanapiriya Chandran</i>	105
Penerimaan Kosa Kata Asing Dalam Kalangan Pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar <i>Hisamuddin bin Abdul Ghani, PhD.</i>	118

Buku Aktiviti Kisah Zidni Sebagai Terapi Seni Dalam Membantu
Murid-Murid Pendidikan Khas

Prof Madya Dr. Faridah binti Nazir

Kulliyyah of Languages and Management, IIUM Pagoh Edu Hub

Abdul Jalil bin Toha @ Tohara

Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Shah Alam,

Abstrak

Murid-murid berkeperluan khas mempunyai pelbagai kekuatan dan kelemahan di dalam diri mereka. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran murid-murid ini perlu menggunakan pelbagai teknik yang bersesuaian beserta penggunaan sumber dengan mengambil kira kemahiran yang ada dan perlu mereka capai (Yasmin, 2000; Khatijah & Yasmin 2006). Murid-murid berkeperluan khas juga mempunyai pelbagai masalah seperti masalah tingkah laku, masalah pengamatan, masalah kemahiran motor, masalah sosialisasi dan emosi. Maka, guru-guru perlu mengamalkan aktiviti terapi ketika proses pengajaran di dalam atau luar kelas dalam usaha membantu murid-murid ini mencapai potensi yang maksimum sesuai dengan keupayaan mereka. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti sama ada terapi seni melalui aktiviti mewarna boleh meningkatkan tumpuan, minat dan mengurangkan stres murid-murid pendidikan khas. Murid-murid pendidikan khas yang dipilih sebagai peserta kajian adalah seramai dua orang, iaitu yang bermasalah pendengaran, dan yang bermasalah pembelajaran, iaitu lembam. Kedua-dua orang murid ini pada kebiasaananya, lambat menyiapkan aktiviti semasa pengajaran dan pembelajaran sama ada di dalam atau di luar bilik darjah. Manakala, murid yang lembam pula mempunyai penguasaan belajar yang lemah. Akan tetapi, dapatan kajian mendapati bahawa, murid-murid ini amat berminat dengan Buku Aktiviti Kisah Zidni. Mereka telah memberi tumpuan sepenuhnya semasa aktiviti mewarna dijalankan oleh pengkaji sehingga berjaya menyiapkan tugas mewarna di dalam buku aktiviti tersebut dengan amat baik.

Kata kunci: Berkeperluan khas, terapi seni, masalah pendengaran, masalah pembelajaran, Buku Aktiviti Kisah Zidni

PENGENALAN

Murid-murid berkeperluan khas merupakan golongan yang mengalami kesukaran dalam pembelajaran dan memerlukan pendidikan khas. Menurut Yasmin Hussain (2013), murid-murid berkeperluan khas merujuk kepada mereka yang mengalami ketidakupayaan fizikal dan masalah dalam pembelajaran. Oleh yang demikian, kategori murid-murid berkeperluan khas adalah yang bermasalah pendengaran; bermasalah penglihatan; bermasalah pembelajaran; bermasalah kerencatan akal; bermasalah tingkah laku atau emosi; bermasalah pertuturan atau bahasa; bermasalah pintar cerdas; kurang upaya fizikal; bermasalah kesihatan dan pelbagai masalah lain (Sang, 2000).

PERNYATAAN MASALAH

Kajian ini memberi tumpuan kepada aplikasi Buku Aktiviti Kisah Zidni sebagai terapi seni untuk aktiviti mewarna dalam kalangan murid-murid berkeperluan khas masalah pendengaran dan masalah pembelajaran murid lembam (*slow learner*). Murid-murid berkeperluan khas bermasalah pendengaran dan masalah pembelajaran, iaitu lembam menghadapi masalah ketika pengajaran dan pembelajaran dan memerlukan terapi khusus,

Masalah Pendengaran

Tahap kecacatan atau tahap kehilangan pendengaran bagi murid-murid yang mengalami masalah pendengaran boleh dibahagikan kepada 2 tahap, iaitu kurang pendengaran terdiri daripada sedikit (*mild*), sederhana (*moderate*), sederhana teruk (*moderate-severe*), dan tahap pekak, iaitu teruk (*severe*) dan sangat teruk (*profound*) (Safani Bari et.al, 2006). Masalah utama yang diperhatikan dalam kalangan murid-murid berkeperluan khas dengan masalah pendengaran adalah dari segi bahasa dan komunikasi. Kehilangan pendengaran ini menyebabkan mereka sukar untuk bertutur. Kegagalan berkomunikasi dan bertutur menghalang mereka memahami apa yang disampaikan oleh guru dan seterusnya menyekat perkembangan mereka dalam pendidikan.

Manakala dari segi perkembangan sosial dan emosi, murid-murid yang bermasalah pendengaran ini mengalami masalah pengamatan, iaitu kefahaman terhadap sesuatu perkara atau situasi

melalui pancaindera setelah berlakunya proses mental. Antara masalah pengamatan pendengaran adalah berpunca daripada kecacatan organ telinga seperti diskriminasi, iaitu ketidakupayaan mengenal dan membezakan bunyi sebutan, rentak irama dan intonasi yang berlainan. Ketidakupayaan mengenal arah bunyi (jauh atau dekat), ketidakupayaan mengingat bunyi-bunyi yang didengar, dan ketidakupayaan mengulang corak bunyi dan turutannya. Di samping masalah-masalah utama yang dihadapi oleh murid-murid berkeperluan khas, mereka juga menghadapi masalah-masalah sampingan seperti berikut :

- i. kurang memberi perhatian **di dalam bilik darjah**,
- ii. pencapaian yang lemah **dalam perlajaran**,
- iii. kurang bercakap dan **menggunakan lebih banyak menggunakan jari**,
- iv. kelihatan nakal dan tidak **mempedulikan orang lain**
- v. tidak bertindak balas terhadap bunyi
- vi. silap memahami arahan
- vii. menonjolkan sikap yang ganjil ketika berinteraksi
- viii. telinga sering berair atau bernanah
- ix. lebih banyak menunggu dan melihat apa yang dilakukan oleh orang lain terlebih dahulu sebelum melakukan sebarang tugas
- x. akan membaca bibir, melihat isyarat visual, ekspresi muka dan gerak tangan daripada mendengar
- xi. kurang melibatkan aktiviti dalam pertuturan
- xii. selalu berkhayal

Masalah Pembelajaran Murid Lembam

Menurut Hallahan dan Kaufman (2006), Akta Pendidikan Individu dengan Keperluan Khas mendefinisikan masalah pembelajaran murid lembam atau slow learner sebagai satu atau lebih kecelaruan pada proses asas psikologikal yang mengaitkan pemahaman atau penggunaan bahasa. Masalah ini berlaku dalam penulisan atau bacaan dan boleh mengganggu kemahiran mendengar, berfikir, bertutur, membaca, menulis, mengeja serta mengira. Dengan perkataan lain, murid-murid lembam ini menunjukkan kelemahan

dalam menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira serta adakalanya mempamerkan masalah atau kecelaruan yang lain seperti masalah tingkah laku dan bersosial.

Sehubungan dengan itu, murid-murid lembam mengalami kesukaran untuk memberi perhatian, mengumpul atau memproses maklumat yang diterima di dalam ingatan mereka. Sungguhpun tahap kesukaran ini berbeza-beza, namun akan menyebabkan kesukaran untuk mereka menguasai kemahiran-kemahiran di dalam proses pembelajaran. Oleh yang demikian, murid-murid ini juga sering mempamerkan kesukaran untuk memberi fokus atau perhatian kepada proses pembelajaran di bilik darjah. Mereka mudah hilang tumpuan, mudah melakukan kesalahan disebabkan kecuaian (careless mistakes), sukar menyiapkan tugas, sukar melakukan beberapa turutan tugas (difficulties doing more than one tasks) dan berkemungkinan akan menunjukkan tingkah laku yang sering mengganggu rakan sekelas (*frequently interrupts others*).

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai objektif yang berikut:

- i. Menentukan sama ada terapi seni melalui aktiviti mewarna berkesan sebagai terapi kepada murid bermasalah pendengaran dan bermasalah pembelajaran, iaitu lembam.
- ii. Mengenal pasti perubahan yang ditunjukkan oleh murid bermasalah pendengaran dan bermasalah pembelajaran, iaitu lembam setelah terapi seni melalui aktiviti mewarna dijalankan.

SOALAN KAJIAN

Persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Adakah terdapat keberkesanan terapi seni melalui aktiviti mewarna kepada murid bermasalah pendengaran dan bermasalah pembelajaran, iaitu lembam?
- ii. Apakah perubahan yang ditunjukkan oleh murid bermasalah pendengaran dan bermasalah pembelajaran, iaitu lembam setelah terapi seni melalui aktiviti mewarna dijalankan?

TINJAUAN LITERATUR

Terapi berasal daripada perkataan Greek, iaitu *Therapeia* yang bermaksud satu perkhidmatan, satu kehadiran yang berkait dengan

perkataan Greek (kata kerja) *therapeuo* yang bermaksud *i wait upon*. Dalam konteks pendidikan khas, terapi dapat didefinisikan sebagai kaedah untuk membantu seseorang individu untuk bergerak-balas terhadap sesuatu aktiviti atau kemahiran-kemahiran yang tertentu. Konsep terapi dalam pendidikan khas adalah didasari daripada konsep kepelbagaiannya kategori individu berkeperluan khas. Murid-murid berkeperluan khas mempunyai sama ada ketidakupayaan, kecacatan halangan atau rintangan untuk mencapai perkembangan dari segi kognitif, emosi, sosial atau psikomotor. Sehubungan dengan itu, kaedah terapi dapat membantu murid-murid bermasalah pembelajaran mencapai perkembangan yang sewajarnya (Mosley, 2001)


Terapi seni pula menggunakan media seni, imej, proses kreativiti seni, dan tindak balas klien untuk menghasilkan produk. Selain itu, terapi seni turut mencerminkan perkembangan individu, kebolehan, personaliti, minat, kerisauan dan pertelingkahan. Terapi ini juga berpotensi untuk mendamaikan konflik emosi dalam seseorang, mendidik keinsafan diri, dan memperkembangkan kemahiran sosial, mengurus tingkah laku, menyelesaikan masalah, kenyataan dan meninggikan sanjungan diri. Terapi seni dalam pendidikan khas diajar kepada murid-murid bekeperluan khas untuk memperkembangkan emosi dan perasaan dalam kehidupan mereka.

Sehubungan dengan itu, murid-murid bekeperluan khas perlu diberi peluang untuk meneroka bidang seni menggunakan pelbagai alat seni seperti mewarna, mencorak dan membatik. Tujuannya adalah untuk melahirkan idea dan kreativiti mereka. Sifat ini amat penting untuk membantu murid-murid bekeperluan khas untuk berkarya, berkomunikasi, dan memgukuh koordinasi pancaindera secara seimbang (Yasmin, 2013). Hal ini demikian kerana, mewarna adalah salah satu medium terapi seni yang merangsang pembangunan keseluruhan murid-murid dan merupakan aktiviti penting untuk meningkatkan kemahiran motor kasar serta pertumbuhan mental. Aktiviti mewarna salah satu aktiviti yang menyeronokkan untuk murid-murid dari semua peringkat umur. Antara kebaikan daripada aktiviti mewarna adalah untuk

meningkatkan tahap tumpuan, mengembangkan kemahiran motor kasar dan halus, mengenalkan kepelbagaian warna dan mencungkil daya kreativiti dalam kalangan murid-murid.

Buku Aktiviti Kisah Zidni

Buku Aktiviti Kisah Zidni (Gambar 1) ialah sebuah buku cerita kanak-kanak yang turut memuatkan aktiviti permainan dan mewarna. Buku ini dihasilkan pada tahun 2017 oleh pengkaji sendiri dengan syarikat penerbitan Tomo Dachi. Buku aktiviti ini mempunyai 16 halaman yang mempunyai ilustrasi menarik tentang kisah seorang kanak-kanak perempuan bernama Zidni. Ilustrasi dalam buku ini dipaparkan dalam bentuk hitam putih untuk membolehkan aktiviti mewarna dilakukan. Selain ilustrasi, buku ini juga turut memaparkan aktiviti seperti permainan bahasa seperti dalam Jadual 1.



Gambar 1 : Buku Aktiviti Kisah Zidni

Jadual 1

Kandungan Buku Aktiviti Kisah Zidni

Cover Buku	KISAH ZIDNI : TERIMA KASIH Faridah binti Nazir Aleng Tohara
Title Page	KISAH ZIDNI : TERIMA KASIH

Muka surat
2-3

Hari ini Zidni memakai gaun merah. Ke mana sahaja Zidni pergi, beg batik sentiasa bersamanya. Di dalam beg itu ada banyak peralatan dan makanan.

Ada pen,
Ada pensel,
Ada buku,
Ada minuman,
Ada makanan...

Muka surat
4-5

Dinno, kucing peliharaan ibu Zidni mengiau meminta makanan.

"Tidak boleh, makanan ini saya punya." jerit Zidni kepada Dinno

Rakan-rakan Zidni, Ranjit, Mei Hwa dan Rania juga turut ada di taman bunga.
Mereka ingin berehat bersama-sama,
Mereka ingin bermain bersama-sama,
Mereka ingin makan bersama-sama.

Muka surat
8-9

"Tidak boleh, makanan ini saya punya." jerit Zidni kepada Ranjit, Mei Hwa dan Rania.

Kakak Zidni, Sofia juga turut ada di tepi kolam.
Sofia ingin berehat bersama-sama,
Sofia ingin bermain bersama-sama,
Sofia ingin makan bersama-sama.

"Tidak boleh, semua ini **saya** punya." jerit Zidni kepada Sofia.

(jadual bersambung)

Muka surat
10-11

Tiba-tiba seekor monyet telah mengambil makanan Zidni. Zidni tergamam.

"Tidak boleh, semua ini **saya** punya." jerit Zidni kepada monyet.

Monyet itu tidak menghiraukan jeritan Zidni, malah melarikan diri jauh ke dalam hutan.

Ranjit, Mei Hwa dan Rania simpati kepada Zidni,

Mereka berkongsi makanan bersama Zidni.

"Terima kasih dan maafkan saya," keluh Zidni kepada Ranjit, Mei Hwa dan Rania.

Muka surat
13

1		1	2	
2				

Mendatar

1. Watak utama dalam cerita
2. Ranjit suka bermain _____

Menurun

1. Kucing peliharaan ibu Zidni
2. Antara sifat Zidni

- Muka surat Tuliskan empat perkataan lain berdasarkan perkataan:
14 **TERIMA KASIH**
i. Terik
ii.
iii
iv
v (jadual bersambung)
- 15 Pilih gambaran tentang Zidni dan bulatkan:
COMEL NAKAL KEDEKUT DEGIL
JUJUR BAIK HATI
- 16 Lukiskan peralatan dalam beg Zidni seperti berikut:
Ada pen,
Ada pensel,
Ada buku,
Ada minuman,
Ada makanan...

Back cover

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kes yang melibatkan kaedah pemerhatian ikut serta untuk mengumpul data. Pengkaji telah menggunakan pemerhatian ikut serta terhadap aktiviti mewarna yang dilakukan oleh dua orang peserta kajian dari sebuah sekolah menengah pendidikan khas di Selangor. Peserta kajian ini yang pertama ialah seorang murid lelaki berusia 17 tahun yang merupakan murid berkeperluan khas masalah pendengaran. Manakala, murid yang kedua juga merupakan murid lelaki berkeperluan khas berusia 17 tahun tetapi yang mempunyai masalah pembelajaran, iaitu lembam. Kedua-dua orang peserta kajian ini pada kebiasaannya, lambat menyiapkan aktiviti semasa pengajaran dan pembelajaran sama ada di dalam atau di luar bilik darjah. Manakala, murid yang lembam pula mempunyai penguasaan belajar yang lemah.

Penguasaan belajar yang lemah dan lambat menjalankan aktiviti ketika pengajaran dan pembelajaran boleh menyebabkan tekanan dan stres kepada peserta kajian. Sehubungan dengan itu, pengkaji menjalankan kajian ini dengan meminta kedua-dua orang peserta kajian tersebut melakukan aktiviti mewarna gambar-gambar yang terdapat dalam Buku Aktiviti Kisah Zidni. Kedua-dua mereka telah dibawa ke perpustakaan sekolah secara bergilir pada masa

yang berlainan, untuk menjalankan aktiviti mewarna tersebut dengan guru turut terlibat sebagai pemantau (Gambar 2)




Gambar 2 : Peserta Kajian Melakukan Aktiviti Mewarna

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Pengkaji menjalankan pemerhatian ikut serta dan bertindak sebagai pemantau ketika aktiviti mewarna dijalankan oleh kedua-dua orang peserta kajian yang dipilih. Pengkaji mendapati bahawa, kedua-dua orang peserta kajian tersebut telah dapat memberi tumpuan dan amat berminat ketika mewarnakan gambar-gambar dalam Buku Aktiviti Kisah Zidni. Kedua-dua mereka juga amat gembira sepanjang aktiviti mewarna dijalankan hingga berjaya menyiapkannya dengan amat kemas dan cantik.

Dapatkan kajian ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa, terapi seni melalui aktiviti mewarna amat berkesan sebagai terapi kepada murid-murid berkeperluan khas yang menjadi peserta kajian. Sebelum aktiviti mewarna dijalankan, kedua-dua orang peserta kajian merupakan murid-murid yang lambat menyiapkan aktiviti semasa pengajaran dan pembelajaran sama ada di dalam atau di luar bilik darjah. Manakala, murid yang lembam pula mempunyai penguasaan belajar yang lemah. Masalah pembelajaran yang dihadapi oleh peserta kajian ini menyebabkan mereka turut mengalami tekanan dan stres. Akan tetapi, aktiviti mewarna yang dijalankan oleh pengkaji telah menjadi terapi kepada mereka sehingga kedua-duanya dapat memberi tumpuan sepenuhnya dengan minat yang tinggi serta berjaya menyiapkan tugas yang

diberi dengan baik. Kegembiraan yang terpancar pada wajah kedua-dua orang peserta kajian ini juga menunjukkan aktiviti mewarna yang dilakukan telah dapat menghilangkan stres yang dihadapi oleh mereka (Gambar 3).



Gambar 3 : Kegembiraan Peserta Kajian Setelah Mewarna

RUMUSAN

Kajian ini dapat membuktikan bahawa, aktiviti mewarna merupakan salah satu bentuk terapi seni yang berfungsi sebagai terapi kepada murid-murid berkeperluan khas. Aktiviti mewarna yang dijalankan dengan Buku Aktiviti Kisah Zidni ternyata telah dapat menarik minat kedua-dua orang peserta kajian ini yang bermasalah pendengaran dan bermasalah pembelajaran, iaitu lembam. Kedua-dua mereka telah dapat memberi tumpuan sepenuhnya terhadap aktiviti mewarna yang dijalankan dan kelihatan gembira menyiapkan tugas mewarna tersebut. Secara tidak langsung perkara ini menunjukkan bahawa, aktiviti mewarna telah menjadi salah satu bentuk terapi seni sesuai dengan fungsinya, iaitu untuk meningkatkan tahap tumpuan, mengembangkan kemahiran motor kasar dan halus, memperkenalkan kepelbagaiannya warna dan mencungkil daya kreativiti dalam kalangan murid-murid seperti yang telah dibincangkan di bahagian konsep terapi seni melalui aktiviti mewarna.

RUJUKAN

- Faridah Nazir dan Aleng Tohara, (2017). *Kisah Zidni: Terima Kasih*, Selangor : Tomodachi Sdn.Bhd.
- Hallahan, D.P. dan Kaufman J.M. (2006). *Exceptional Learners: Introduction to Special Education*. University of Virginia, Paige C. Pullen: Merrill.
- Khatijah Amat & Yasmin Hussain, (2006). Kajian Penggunaan Komputer dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Guru-Guru Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran di Melaka, Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan Khas.
- Mosley, (2001). <http://www.kids.candiscover.com/therapy-and-special-education>.
- Sang, M.S. (2000). *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Safani Bari et.al, (2006). Penggunaan Alat Bantuan Pendengaran Di Kalangan Murid-Murid Bermasalah Pendengaran. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yasmin Hussain, (2000). Teacher Effectiveness in Teaching Special Education in Malaysia. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yasmin Hussain, (2013). *Terapi Dalam Pendidikan Khas*. Selangor : Pekan Ilmu Publications Sdn. Bhd.

Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar
Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus.
Tel : +6 06 7624 543 Faks : +6 06 7624 822
www.ipgkrm.edu.my

ISSN 1394-3278



9 771394 327004